

Praktis 2

A. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Keselahan Bahasa **Aras R**

- 1 Negara kita mempunyai saintis yang terhebat sekali di dunia.

- 2 Kita sepatutnya berasa bangga pada keunikan yang terdapat di negara ini.

- 3 Juruhebah radio itu gemar memainkan lagu-lagu balada semasa dia bertugas.

- 4 Murid lelaki yang berkaca mata itu adalah kapten pasukan bola sepak di sekolah Iqbal.

- 5 Suasana di kawasan pergunungan itu sangat menenangkan jiwa terutamanya bagi waktu pagi.

- 6 Buku rujukan itu sudah saya pulangkan ke pustakawan yang bertugas semalam.

- 7 Kebanyakan para pelanggan sangat berpuas hati akan kelazatan makanan di Restoran Fazira.

- 8 Bidang teknologi maklumat yang dijelajahi oleh anak-anak muda kini akan melahirkan generasi yang celik IT.

- 9 Cikgu Firdaus tidak menyangka kerana Wafiy dapat mematahkan hujah pihak pencadang dengan mudahnya.

- 10 Puan Siti Hajar telah membuat temu janji dengan Cikgu Nadia untuk berbincang tentang masalah pelajaran anaknya di sekolah.

- 11 Pihak kerajaan berusaha agar memajukan kawasan luar bandar dan membantu rakyat keluar daripada masalah kemiskinan.
